




LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 6 MAC 2024



Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat



TAJUK BERITA

1. JERAMI CASTLE MADA HANGUS TERBAKAR - UTUSAN MALAYSIA
2. ADA CUBAAN GAGALKAN BERAS KEDAH - UTUSAN MALAYSIA
3. ADA PIHAK CUBA HALANG USAHA KELUAR BERAS KEDAH - BERITA HARIAN
4. TIADA SUBSIDI KEPADA PENIAGA SERTAI JUALAN AGRO MADANI - BERITA HARIAN
5. ADA CUBA GAGALKAN BERAS KEDAH - SINAR HARIAN
6. TIADA PERMOHONAN BERAS KEDAH - MADA - SINAR HARIAN
7. ADA PIHAK CUBA HALANG USAHA KERAJAAN NEGERI - HARIAN METRO
8. PERSAINGAN DALAM PERTANIAN ELAK KETIRISAN - KOSMO

Jerami Castle MADA hangus terbakar

YAN: Jerami gulung yang menjadi tumpuan pengunjung di Kampung Sungai Kering, Jalan Pulau Bunting di sini terbakar dalam kejadian pada pukul 1.10 tengah kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Yan, Penolong Pengusa Bomba Noorhamidi Ali berkata, Pusat Gerakan Operasi (PGO) menerima panggilan kecemasan melalui talian MERS 999 memaklumkan kebakaran jerami di tapak lokasi jerami gulung terbabit.

“Maklumat awal yang diteri-

ma mendapati kebakaran hanya melibatkan jerami dan tidak membabitkan mangsa,” katanya di sini, semalam.

Noorhamidi berkata, tindakan pemadaman dilakukan anggota BBP Yan selain dibantu oleh Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Sungai Limau.

Beliau memaklumkan, operasi terkawal pada pukul 1.21 tengah hari dan punca kejadian masih dalam siasatan.

Sementara itu, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengesahkan kebakaran meli-

batkan produk disediakan mereka itu, namun memaklumkan tidak akan mengeluarkan sebarang kenyataan sehingga siasatan oleh pihak Bomba selesai.

MADA menganjurkan pameran Jerami Castle MADA@ Jerai Geopark sejak Jumaat lalu bermula dari 10 pagi hingga 10 malam.

Pelbagai aktiviti lain turut dijalankan di lokasi itu antaranya sesi bergambar dengan replika dan produk jerami padi, menunggang kuda, memanah serta jualan produk-produk.

Dalam NegeriUtusan Malaysia
RABU • 6 MAC 2024

31

Ada cubaan gagalkan Beras Kedah

Oleh JAMILIAH ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor memaklumkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah semalam mengenai terdapat plot untuk menggagalkan usaha kerajaan negeri mengeluarkan Beras Kedah.

Muhammad Sanusi (PN-Jeneri) mendakwa, selepas beliau mengumumkan hasrat untuk mengeluarkan beras yang lebih murah daripada harga pasaran, terdapat usaha tertentu dilakukan agar tiada pihak yang menjual beras kepada Kedah.

“Sebelum ini negara mengalami kecelaruan dalam industri beras tempatan disebabkan itu, Kedah selaku negeri pengeluar beras tetapi tak dibenarkan kawal pengeluaran dan pemasan hasil padi.

“Apabila kita uar-uarkan mahu keluarkan Beras Kedah, ada respons (diterima) supaya tidak ada pihak jual beras ke-



**SIDANG DUN
KEDAH**

pada Kedah,” katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Najmi Ahmad (PN-Kupang) pada Sidang DUN Kedah di Wisma Darul Aman di sini, semalam.

Najmi bertanyakan mengenai perancangan negeri dalam menjamin bekalan makanan bagi menghadapi tempoh krisis makanan global akan datang.

Pada Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang DUN Kedah semalam, Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah bertitah agar kerajaan negeri memikirkan langkah wajar untuk meningkatkan produktiviti padi di Kedah memandangkan pengeluaran beras adalah sektor tunjang dalam pertanian yang menjadi asas keselamatan makanan negeri dan negara.

Pada 18 Februari lalu, Mu-



MUHAMMAD SANUSI

hammad Sanusi mengumumkan kerajaan negeri merancang mengeluarkan produk Beras Kedah pada harga lebih murah berbanding harga pasaran bagi membolehkan rakyat negeri ini dapat membelinya.

Muhammad Sanusi menambah, sekatan seperti ini tidak

wajar berlaku apatah lagi ia menggambarkan politik kuno diamalkan di negara ini.

“Walaupun industri beras dikawal sepenuhnya oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan namun Kedah bersedia memberikan kerjasama sewajarnya dalam merealisasikan Beras Kedah.

“Saya yakin Jabatan Pertanian dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dapat berurusan, biarpun dari segi politik tidak seperti diharapkan. Masih ada politik kuno diamalkan untuk mengasingkan kerajaan negeri dengan agensi Persekutuan. Saya perlu buat teguran terbuka di dewan yang mulia ini,” katanya.

Beliau juga berharap semua jabatan dan agensi di Kedah dapat menjalin kerjasama erat untuk berhadapan cabaran krisis makanan pada masa akan datang.

“Jangan ada agensi cuba asingkan Kedah daripada aktiviti atau perancangan kemente-

rian. Saya difahamkan, ada arahan lisan dari pihak agensi Persekutuan untuk kurangkan kerjasama dengan negeri. Saya jamin Kedah bersikap terbuka dan mengalu-alukan kerjasama agensi pusat untuk pastikan kebimbangan makanan yang meruncing dapat diatasi,” katanya.

Muhammad Sanusi juga mendakwa, faktor krisis beras antaranya berpunca daripada ketamakan pengusaha sektor makanan dan pertanian yang harus ditamatkan menerusi penguatkuasaan undang-undang Kerajaan Persekutuan.

“Antaranya isu kartel padi terbongkar apabila ada serbuan terhadap pihak yang simpan padi di Kedah, harap isu kartel dapat diselesaikan untuk pastikan tiada lagi kebimbangan bekalan beras akan datang. Saya juga harap tiada sekatan (kepada Kedah) dalam agihan varieti padi berkualiti. Kita juga tak mahu menjadi pusat lambakan baja tidak berkualiti,” katanya.

Nasional

Rabu, 6 Mac 2024 BII

Sidang DUN Kedah

‘Ada pihak cuba halang usaha keluar Beras Kedah’

MB dakwa hadapi ‘sabotaj’ selepas umum harga lebih murah di pasaran

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor mendakwa ada pihak tertentu yang cuba menghalang usaha negeri itu untuk mengeluarkan Beras Kedah.

Beliau mendakwa selepas mengumumkan hasrat untuk mengeluarkan beras yang lebih murah daripada harga pasaran, terdapat usaha dibuat agar tiada pihak yang menjual beras kepada Kedah.

“Sebelum ini negara mengalami keceleruan dalam industri beras tempatan. Disebabkan itu, Kedah selaku negeri pengeluar beras (mahu hasil beras sendiri), tetapi tak dibenarkan kawal pengeluaran dan pemasaran hasil padi.

“Apabila kita uar-uarkan mahu keluarkan Beras Kedah, ada respon supaya tidak ada pihak jual beras kepada Kedah,” katanya menjawab soalan tambahan Datuk Najmi Ahmad (PN-Kupang) pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di sini, semalam.

Gambaran politik lama

Muhammad Sanusi berkata, sekatan seperti itu harus dinontohkan kerana itu menggambarkan politik lama negara ini.

Katanya, walaupun industri beras dikawal sepenuhnya oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kedah bersedia beri kerjasama menghasilkan Beras Kedah.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Sanusi berkata, Kedah komited untuk membangunkan jambatan darat di kawasan Sanglang, Kubang Pasu sebagai persediaan menghadapi cabaran ekonomi global 2040, yang bakal membawa limpahan ekonomi kepada rakyat.

Najmi bertanya mengenai perancangan negeri dalam menjamin bekalan makanan bagi menghadapi kemungkinan krisis makanan global akan datang.

Sanglang, Kubang Pasu sebagai persediaan menghadapi cabaran ekonomi global 2040, yang bakal membawa limpahan ekonomi kepada rakyat.

“Ia akan memberi rahmat kepada Kedah dan negara kita. Jambatan darat ini memendekkan laluan pengangkutan barang dagangan di seluruh dunia yang akan melalui Kedah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Mohd Hayati Othman (PN-Tokai).

Mohd Hayati bertanya persediaan negeri Kedah menghadapi cabaran apabila Selat Melaka sudah tidak menjadi pilihan utama jika rancangan Thailand membina pelabuhan dan jambatan darat dengan usaha sama China berjaya dilaksanakan.



Muhammad Sanusi menjawab soalan pada Sidang DUN di Alor Setar, semalam. (Foto Ünit Penerangan Darul Aman)



Ada cubaan gagalkan Beras Kedah

MB dedah ada pihak halang supaya tidak jual beras kepada negeri itu

ROSLINDA HASHIM
ALOR SETAR

Hasrat kerajaan negeri mengeluarkan Beras Kedah kepada rakyat cuba dihalang pihak tertentu berujuan untuk menggagalkannya.

Perkara itu didebakkan sendiri Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor selepas pihaknya mengumumkan hasrat itu, baru-baru ini.

"Terdapat usaha dibuat agar tiada pihak menjual beras kepada Kedah bagi menjayakan perancangan ini."

"Sebelum ini, negara mengalami kecelaran dalam industri beras tempatan. Disebabkan itu, Kedah selaku negeri pengeluar beras (mahu hasilkan beras sendiri) tetapi tak dibenarkan kawal pengeluaran dan pemasaran hasil padi."

"Apabila kita uarkan mahu keluarkan Beras Kedah, ada respons (diterima) supaya tidak ada pihak jual beras kepada Kedah," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Najmi Ahmad (**Pas-Kupang**) berhubung perancangan negeri dalam menjamin bekalan makanan ketika Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di Wisma Darul



Sanusi ketika menjawab pertanyaan lisan di DUN Kedah pada Selasa.



Aman di sini pada Selasa.

Sanusi berkata, walau-pun industri beras dikawal sepenuhnya Kementerian Pertanian dan

Keterjaminan Makanan, namun Kedah bersedia memberi kerjasama sewajarnya dalam realisasikan Beras Kedah.

"Saya yakin Jabatan Pertanian dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dapat berurusan, biarpun dari segi politik tidak seperti diharapkan. Masih ada politik kuno diamalkan untuk mengasingkan kerajaan negeri dengan agensi Persekutuan."

"Saya perlu buat teguran terbuka di dewan mulia ini," tegasnya.

Sanusi berharap semua jabatan dan agensi negeri dapat menjalin kerjasama erat untuk berhadapan cabaran krisis makanan pada masa akan datang.

"Jangan ada agensi cuba asingkan negeri ini daripada aktiviti atau perancangan. Saya difahamkan ada arahan lisan dari agensi Persekutuan untuk kurangkan kerjasama."

"Saya bagi jaminan negeri ini ber sikap terbuka dan alukan kerjasama agensi Pusat bagi memastikan kebimbangan makanan yang meruncing dapat diatasi," ujarnya.

Terdahulu pada 18 Februari lalu, Sanusi mengumumkan kerajaan negeri merancang mengeluarkan produk Beras Kedah pada harga lebih murah berbanding pasaran.

Pihaknya sedang merangka kaedah pengeluaran bagi membolehkan rakyat dapat membelinya pada harga lebih murah.

Dalam pada itu, Sanusi berkata, punca berlakunya krisis beras antaranya disumbangkan ketamakan pengusaha sektor makanan dan pertanian dan harus ditamatkan segera.

Tiada permohonan Beras Kedah - MADA



ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengesahkan tiada menerima permohonan dari kerajaan negeri berkaitan pengeluaran Beras Kedah.

Menurut Pengurus MADA, Datuk Dr Ismail Salleh, pihaknya musykil kenyataan Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor yang mengatakan ada pihak cuba menghalang hasrat berkenaan.

"Industri Padi Beras Negara diikat oleh Akta 522 termasuk keinginan kerajaan negeri untuk merasmiaskan Beras Kedah.

"Kerajaan negeri perlu memohon lesen kepada pihak kawal selia yang menguatkuasakan Akta 522 untuk tujuan membuat kilang dan memproses padi untuk dijadikan beras," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Jelasnya, begitu juga kilang padi yang mengeluarkan beras kepada pemberong dan peruncit yang mana kerajaan negeri perlu mempunyai lesen sah.

"Kerajaan negeri hanya perlu mohon sahaja lesen dan ia akan dipertimbangkan pihak kawal selia," katanya.

Katanya, berdasarkan situasi ini, jelas Muhammad Sanusi hanya mahu menutup kelemahannya lalu menyalahkan pihak lain dalam isu pengeluaran Beras Kedah ini.

Terdahulu, Muhammad Sanusi ketika menjawab soalan tambahan Datuk Najmi Ahmad (**Pas-Kupang**) ketika Sidang DUN mendedahkan hasrat negeri itu mengeluarkan Beras Kedah cuba dihalang pihak tertentu.

Beliau berkata, selepas mengumumkan hasrat itu, terdapat usaha dibuat supaya tiada pihak yang menjual beras kepada Kedah bagi menggagalkan perancangan terbabit.

Rabu 06.03.2024 | Harian Metro

18 www.hmetro.com.my [@hmetromy](https://twitter.com/hmetromy) [HarianMetro](https://facebook.com/HarianMetro) [@hmetromy](https://instagram.com/@hmetromy)

lokal

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

BERAS KEDAH

‘Ada pihak cuba halang usaha kerajaan negeri’

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor mendedahkan ada pihak tertentu yang cuba menghalang usaha kerajaan negeri untuk mengeluarkan Beras Kedah.

Beliau mendakwa, selepas mengumumkan hasrat Kedah untuk mengeluarkan beras yang lebih murah berbanding harga pasaran, terdapat usaha dibuat supaya tiada pihak yang menjual beras kepada Kedah.

“Sebelum ini negara mengalami kecelaruan dalam industri beras tempatan. Disebabkan itu, Kedah sebagai negeri pengeluar beras (mahu hasilkan beras sendiri) tetapi tak dibenarkan kawal pengeluaran dan permasaran hasil padi.

“Apabila kita uar-uarkan mahu keluarkan Beras Kedah, ada maklum balas diterima) supaya tidak ada pihak jual beras kepada Kedah,” katanya ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Najmi Ahmad (PN-Kupang)** pada Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Kedah di Wisma Darul Aman di sini, semalam.

Najmi bertanyakan mengenai perancangan negeri dalam menjamin bekalan

makanan bagi menghadapi tempoh krisis makanan global akan datang.

Muhammad Sanusi berkata sekatan seperti itu mesti dinontohkan kerana ia menggambarkan politik kuno diamalkan di negara ini.

Katanya, walaupun industri beras dikawal sepenuhnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), namun Kedah bersedia memberikan kerjasama sewajarnya dalam merealisasikan Beras Kedah.

“Saya yakin Jabatan Pertanian dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dapat berurusan, biarpun daripada segi politik tidak seperti diharapkan. Masih ada politik kuno diamalkan untuk menganggarkan kerajaan negeri dengan agensi Persekutuan.

“Saya perlu buat teguran terbuka di dewan yang mulia ini,” katanya.

Kedah sedang merangka

“Apabila kita uar-uarkan mahu keluarkan Beras Kedah, ada maklum balas diterima) supaya tidak ada pihak jual beras kepada Kedah”

Muhammad Sanusi berharap semua jabatan dan agensi di Kedah dapat menjalin kerjasama erat untuk berhadapan cabaran krisis makanan pada masa akan datang.

“Jangan ada agensi cuba asingkan Kedah daripada aktiviti atau perancangan kementerian. Saya difahamkan, ada arahan lisan dari pihak agensi Persekutuan untuk kurangkan kerjasama dengan negeri.

“Saya bagi jaminan Kedah bersikap terbuka dan alukan kerjasama dari agensi Pusat untuk pastikan keimbangan makanan yang meruncing dapat diatasi,” katanya.

Pada 18 Februari lalu, Muhammad Sanusi mengumumkan kerajaan negeri merancang mengeluarkan produk Beras Kedah pada harga lebih murah berbanding harga pasaran ketika ini.

Dalam pada itu, Muhammad Sanusi berkata, punca berlakunya krisis beras antaranya disumbangkan oleh ketamakan pengusaha

kaedah pengeluaran beras berkenaan bagi membolehkan rakyat negeri ini dapat membelinya pada harga lebih murah.

Dalam pada itu, Muhammad Sanusi berkata, punca berlakunya krisis beras antaranya disumbangkan oleh ketamakan pengusaha

sektor makanan dan pertanian dan ia harus ditamatkan menerusi penguatan undang-undang kerajaan Persekutuan.

“Antaranya isu kartel pada terbongkar apabila ada seruan terhadap pihak yang simpan padi di Kedah, harap isu kartel dapat di-



MUHAMMAD Sanusi pada Sidang Dun Kedah di Wisma Darul Aman, semalam.

PESAHAH kecil di negara ini perlu diperkasa dengan pelbagai peluang perniagaan berkaitan dengan sawahnya.
— GAMBAR HIASAN

Persaingan dalam pertanian elak ketirisan

KITA dihujani pelbagai berita ketirisan demi ketirisan yang tidak bermusim tetapi ibarat pekung yang merebak dalam sistem.

Baru-baru ini kita dikejutkan RM3.67 bilion disalurkan ke Lembaga Pertubuhan Peladang sepanjang 2019 hingga 2022, tetapi yang dibelanjakan untuk pelbagai subsidi hanyalah RM3.2 bilion, manakala selebihnya iaitu RM449 juta tidak dibelanjakan.

Bukan itu sahaja, Laporan Ketua Audit Negara (LKN) 2019 merekodkan kelewatan penghantaran baja antara 20 hingga 200 hari.

LKN menghujahkan ini kerugian besar kepada kerajaan dan negara. Kelewatan menyebabkan produktiviti menurun dilikti pengeluaran. Malahan, Tahap Saru Diri atau SSL turut mengecil daripada purata 70 peratus satu dekad yang lepas kepada kepada 65 peratus.

Sebenarnya yang menanggung rugi besar adalah petani. Mengikut kajian LKN (2023) dan Universiti Putra Malaysia, kelewatan baja memang serius dan terbiasa hingga kini.

Bukan itu sahaja, selama separuh abad atau 50 tahun, petani telah diberikan satu formula campuran baja untuk semua jenis profil tanah. Bererti ada tiga kos yang dibayar oleh rakyat iaitu perolehan baja, kelewatan dan kualiti baja yang tidak sesuai.

Menurut petani, jika berlaku keserentakan kemasukan air, biji benih berkualiti dan baja yang sesuai, hasil padi 5 hingga 6 tan/ha boleh ada di dalam tangan. Tetapi keserentakan ini jarang berlaku, sama ada benih lambat atau baja sampai lewat.

Musim demi musim, petani termangsa daripada kelembapan sistem agihan baja dan benih. Pemusatan agihan baja tanpa sebarang saingan menandinginya menyebabkan agihan yang sangat tidak cekap.

Berdasarkan data Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, petani hanya mampu mencapai 3.6 tan/ha dan tidak 5 tan/ha. Bererti, petani kerugian sebanyak hampir RM1 billion kerana tidak mencapai hasil maksimum pada tahun 2020. Struktur sistem agihan input menjerat pendapatan petani.

Varia
Oleh
**PROF. MADYA TS.
DR. MOHD RAZIF
HARUN**

Mengambil contoh Thailand, agihan baja dan benih di negara itu dilaksanakan oleh petani, koperasi dan usahawan swasta. Bila ramai peserta, persaingan diwujudkan, petani banyak pilihan, maka kelewatan dan variasi kualiti baja dan benih dimiminumkan.

Pada masa yang sama, Thailand mengeluarkan sebanyak 8 peratus baja daripada jumlah penggunaan tempatan. Malaysia pula masih terperangkap dengan dogma polisi 1960-an dan 1970-an. Premis polisi era ini mungkin sesuai dengan era itu di mana petani sangat miskin, tiada akses kepada maklumat dan sering termangsa kepada 'orang tengah' dan tiada akses kepada kredit.

Berdasarkan kepada andaian ini, timbul pandangan bahawa sektor kerajaan mampu mengatasi masalah ini dengan melibatkan diri dalam beberapa aspek pengeluaran dan pemasaran. Maka, tercetus polisi pemusatan baja dan input pertanian kepada satu agensi.

Baja diimport menggunakan dana Kementerian Kewangan dan dicampur dengan urea daripada Petronas.

Persatuan Peladang Kebangsaan bertanggungjawab menjual baja kepada Persatuan Peladang Negeri yang menjualannya kepada Persatuan Peladang Kawasan (PPK) dan PPK menjual kepada petani. Kaedah ini memungkinkan ketiga-tiga entiti mengambil keuntungan daripada perniagaan yang dibayar orang awam.

Pemusatan dan perolehan kerajaan yang bernilai besar adalah batas yang subur untuk korupsi seperti yang terbukti dalam kebanyakan kes korupsi di Malaysia. Tanpa disedari sebenarnya kor perolehan dan kerugian akibat kelewatan dan ketidakcepatan sebenarnya adalah dibayar oleh awam.

Begitu juga andaian bahawa mesin dan kilang-kilang besar akan memberi faedah ekonomi. Namun, sebaliknya tetakat usang, mencengkam petani, tetapi menyekat pertumbuhan dan melemahkan inovasi tempatan.

Sistem perolehan besar menyuburkan korupsi dan ketirisan setiap tahun. Simptom ini menunjukkan keparahan sistem semasa yang memerlukan perubahan besar. Untuk kecekapan dan meminimumkan ketirisan, sistem pemusatan perlu dirungkai di mana persaingan digalakkan untuk mengelakkan perolehan besar dan korupsi.

Pembaharuan bermula dengan paradigma baharu yang selari dengan tuntutan era semasa. Oleh kerana lanskap telah berubah dan kebanyakan pesawah adalah kecil, sudah sampaikan masanya supaya pesawah kecil diperkaya dengan kapasiti dan peluang untuk memperbaiki prestasi dan meneroka perniagaan yang berkaitan dengan padi dan beras.

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana atau PMKS perlu diwujudkan dengan lebih banyak untuk membangunkan industri yang berlandaskan padi dan beras yang kini hanya terbatas kepada tepung beras, beras dan bihun berbanding ratusan keluaran di Thailand dan Jepun.

Apabila pesawah kecil diperkasa dengan peluang pelbagai perniagaan berkaitan sawahnya, produktiviti dan pendapatan akan meningkat. Apabila pasaran baja, input, kilang padi dan monopoli beras dibebaskan secara terpimpin dan tersusun, persaingan dan pertumbuhan akan berlaku.

Struktur ini akan mencambahkan start-ups atau pemula untuk bermula beras, kilang kecil yang pintar. Persaingan dan pasaran terbuka akan meminimumkan ketirisan kerana peserta menanggung kos perniagaan masing-masing.

Usaha ini tidak akan menjelaskan agensi kerajaan seperti LPP atau peniaga dan pengilang besar yang sedia ada. Kita perkasakan si kecil tanpa mengelakkan si besar.

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RAZIF HARUN merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kejuruteraan Kimia & Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan, UPM